

27/02/2003

Ronggeng Rokiah tonjol era 50-an

Akmal Abdullah

MESKIPUN lebih menyerlah sebagai pemsyarah dan pengkaji filem, Dr Anuar Nor Arai cuba kembali menjadi pengarah teater menerusi Ronggeng Rokiah.

Beliau berazam membawa perubahan dalam arus teater tempatan apabila bakal tampil untuk sebuah pementasan bercorak noir dan berunsur muzikal di Istana Budaya.

Pendekatan teknik noir di pentas bermakna banyak bermain kaedah tata cahaya bersama lakonan eksotik, berbeza dari yang sehari-hari, tata laku yang realistik serta ceritanya bagaikan sebuah mimpi buruk.

Malahan ia juga memiliki ciri gaya lakon berbau mimpi, aksi pelakon yang tidak membuka ruang pentas tetapi bermain rapat pada dada serta menyendiri, selain antihero yang songsang.

Teater itu akan menggunakan latar zaman tahun 50-an ketika era kegemilangan filem Melayu dan berkisar suasana di Singapura. Skripnya ditulis Dr Anuar sendiri pada 2001.

Dr Anuar berkata, beliau berminat menulis kisah di zaman Singapura dan menggunakan latar era 50-an kerana cintanya yang mendalam pada suasana itu.

"Ini sebuah kisah cinta saya terhadap Singapura zaman dulu, cinta saya pada Melayu zaman itu. Satu lingkungan sosial yang cukup indah pada masa itu, jujur dan naif. Sebenarnya bidang teater bukan baru bagi saya sebab saya pernah mengarah teater tetapi sudah lama ditinggalkan. Kali terakhir saya mengarah teater ialah pada 1978 dengan kisah Si Pemacak. Maknanya sudah 25 tahun saya tidak mengarah teater.

"Ronggeng Rokiah ialah sebuah teater berunsur muzikal yang cuba memberi pendekatan filem, iaitu noir di pentas. Ia kisah manusia Melayu yang terasing, terbiar dan tidak bersistem. Melayu yang tercari-cari. Kisah perempuan yang tercari dan lelakinya mencari, mereka hilang identiti.

"Saya cuba membuka lembar kehidupan sosial Melayu yang secubit pada zaman itu, iaitu apa yang menjadi inti kepada persoalan sosial sezamannya. Ia menggunakan latar zaman sebelum Malaya merdeka, iaitu awal 50-an. Zaman filem Melayu tengah gemilang.

"Ketika itu wujud perempuan Melayu yang jelita, luka dan terasing. Ronggeng Rokiah ialah identiti Melayu yang bertukar. Watak Rokiah saya pilih Erma Fatima kerana dia ada keupayaan. Rokiah ialah wanita yang tidak berpendidikan tetapi cerdik dan naif. Dia cantik dan menjadi perempuan ronggeng dan tidak sedar dirinya juga menjadi pelacur. Ini sebuah kisah primadona yang luka.

"Ini adalah kenangan pada zaman itu sebagai sebuah mimpi sosial. Ronggeng pada zaman itu begitu kuat. Sebab itu kita boleh bertanya kenapa Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) pernah berkata dia teringat ronggeng. Sebab kenangannya yang melampau pada zaman itu ketika belajar di Singapura. Beliau melihat dengan mata akalnya.

"Saya siapkan skrip ini dalam masa tiga minggu tetapi proses mengeram ideanya begitu lama. Kerja produksi akan bermula hujung bulan ini dan akan dipentaskan pada 22 hingga 31 Mei ini. Semua pelakon yang terbabit ialah mereka yang pernah berdamping dengan saya dalam karya," katanya.

Selain Erma, pelakon lain yang dijangka turut beraksi dalam Ronggeng Rokiah ialah Vanidah Imran, Sidek Hussin, Rashidah Jaafar, Ahmad Tamimi Siregar, Yahaya Abdul Hamid, Mior Ahmad Zaudi, Shahronizam Noor, Badrul Hisham dan Bohari Ibrahim.

"Saya berminat untuk menghantar naskhah karya ini kepada Istana Budaya

kerana mahu beri sumbangan untuk Istana Budaya. Tidak sangka, permohonan saya dipilih dan diterima dengan cepat untuk dipentaskan.

"Lagipun, ia berunsur muzikal dan sangat relevan dengan imej Istana Budaya. Harapan saya supaya dapat meletakkan batu asas yang kukuh kepada teater nasional di Malaysia.

"Saya rasakan teater daerah, teater komuniti, teater wilayah dan teater negeri belum cukup keupayaan untuk mengisi harapan dan cita-cita Istana Budaya. Teater nasional adalah ritual bangsa, negara dan dunia," kata Dr Anuar yang kini berkhidmat sebagai pensyarah filem di Akademi Seni Kebangsaan (ASK).